

Kajian Terhadap Peranan Faktor Kewangan Sebagai Faktor Penyebab Kepada Kegagalan Firma Kontraktor Bumiputra Dalam Industri Pembinaan di Malaysia

Mohd. Suberi Ab. Halim¹, Md. Shariff M Haniff², Hussen Nasir³, Arman Hadi Abdul Manaf⁴

ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk menilai peranan faktor kewangan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan di Malaysia. Para ilmiah dalam industri pembinaan telah memberi penekanan kepada tiga faktor utama yang menyebabkan kegagalan firma kontraktor iaitu faktor kekurangan modal, firma kontraktor menikmati untung yang tidak realistik daripada projek yang mereka laksanakan dan mereka menanggung bebanan hutang yang tinggi. Akibat daripada situasi tersebut, banyak firma kontraktor telah dilaporkan gagal dalam perniagaan mereka. Keputusan dari beberapa penyelidikan terdahulu juga telah memperlihatkan peratusan kegagalan firma kontraktor adalah lebih tinggi berbanding firma-firma di dalam industri lain. Untuk mencapai hasrat kajian ini, pendekatan kuantitatif telah digunakan sebagai kaedah kajian. Tinjauan menggunakan borang soal selidik telah dilakukan dalam kalangan firma kontraktor yang dipilih. Sejumlah 250 borang soal selidik telah diedarkan. Keputusan daripada kajian ini menunjukkan prestasi buruk/kegagalan firma kontraktor sangat dipengaruhi sepuluh faktor utama iaitu; berlaku kenaikan harga bahan binaan semasa pembinaan, harga kontrak yang rendah, projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual, firma kontraktor memulakan perniagaan dengan modal asas kecil, bayaran kemajuan lewat dibayar oleh pihak klien, firma terlalu bergantung kepada kreditor untuk membiayai projek, firma kontraktor sukar untuk mendapat pinjaman bank, kelewatan firma menerima bayaran kemajuan, kos kewangan yang tinggi dan modal asas firma kecil. Pengurusan kewangan yang tidak cekap dan faktor kekurangan modal adalah signifikan terhadap prestasi buruk firma kontraktor.

Kata kunci: Kegagalan kewangan, industri pembinaan.

¹Dr. MOHD. SUBERI AB. HALIM, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Malaysia, suberi@unimap.edu.my.

²MD. SHARIFF M HANIFF, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Melaka, Malaysia, shariff@melaka.uitm.edu.my.

³HUSSEN NASIR, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Malaysia, hussennasir@unimap.edu.my.

⁴Dr. ARMAN HADI ABDUL MANAF, Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Malaysia, arman@unimap.edu.my.

1. INDUSTRI PEMBINAAN DI MALAYSIA

Industri pembinaan memainkan peranan yang signifikan dalam mempertingkatkan pencapaian ekonomi sesebuah negara. Kedudukan industri pembinaan dalam ekonomi boleh dikaitkan dari segi saiz dan sumbangan industri kepada aktiviti ekonomi. Secara purata sumbangan industri pembinaan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sedang membangun adalah diantara 5% hingga 9% (Abu Bakar, 2002). Industri pembinaan di Malaysia adalah juga seperti negara-negara lain dianggap sebagai enjin pertumbuhan ekonomi dan secara purata telah menyumbang 3% setahun kepada KDNK. Walaupun dari peratusan sumbangan industri pembinaan adalah paling sedikit berbanding dengan sektor ekonomi lain (lihat Jadual 1). Namun kepentingan dan sumbangan industri pembinaan harus dinilai di segi peranannya dalam pembangunan ekonomi keseluruhannya. Selain daripada menjadi pemangkin kepada pergerakan sektor ekonomi lain (Abdullah, 2004).

Jadual 1: KDNK Mengikut Sektor Ekonomi

| Sektor Ekonomi | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|----------------|------|------|------|------|------|
| Perkhidmatan | 51.8 | 53.2 | 54.3 | 55.1 | 58.5 |
| Perkilangan | 31.1 | 30.3 | 29.6 | 29.5 | 26.2 |
| Pertanian | 7.9 | 7.7 | 7.5 | 7.4 | 7.6 |
| Perlombongan | 8.8 | 8.6 | 8.4 | 8.1 | 7.9 |
| Pembinaan | 3.1 | 3.0 | 3.0 | 2.9 | 3.2 |

Sumber data: Laporan Ekonomi Malaysia (2006-2010)

Di Malaysia, pihak kerajaan telah memainkan peranan yang aktif dalam mempromosi industri pembinaan negara. Pelbagai kemudahan telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk disalurkan kepada industri pembinaan demi untuk memastikan industri perbinaan berdaya maju. Untuk mencapai hasrat ini, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) telah ditubuhkan dalam tahun 1994 untuk menentukan arah tuju industri pembinaan di Malaysia. Berkuat kuasa 20 Julai 1995, adalah mandatori untuk semua firma kontraktor yang hendak beroperasi di Malaysia samada firma tempatan atau asing mestи berdaftar dengan LPIPM sebelum mengakujanji dan menyempurnakan apa-apa kerja pembinaan di Malaysia. Walaupun begitu, kontraktor-kontraktor yang ingin melaksanakan projek-projek sektor awam perlu mempunyai taraf bumiputera dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

PKK adalah sebuah badan kerajaan yang bernaung dibawah Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (KPUK) diwujudkan sejak tahun 1981 bertujuan untuk mendaftar, memimpin dan melatih usahawan-usahawan bumiputera yang ingin terlibat dengan industri pembinaan. Pengiktirafan taraf bumiputera adalah dibawah tanggungjawab PKK. Takrifan syarikat bumiputera oleh Majlis Kewangan Negara (MKN) adalah seperti mengikut pekeliling

pembendaharaan Bil.7/74 yang mana majoriti sekurang-kurangnya 51% daripada hak milik saham-saham itu dimiliki oleh orang-orang bumiputera serta majoriti sekurang-kurangnya 51% daripada pekerja-pekerja syarikat itu terdiri daripada bumiputera.

Banyak peruntukan kewangan dan kemudahan prasarana telah disediakan untuk memajukan industri pembinaan negara. Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) adalah merupakan satu parameter baru kepada pembangunan industri pembinaan di Malaysia. Secara keseluruhannya, kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM200 billion bagi perbelanjaan pembangunan untuk RMK 9, iaitu RM30 billion lebih tinggi berbanding dengan RMK 8. Disamping itu, projek-projek sejumlah RM20 billion lagi akan dilaksanakan secara initiatif pembiayaan swasta atau Private Financing Initiatives (PFI) bagi projek-projek kerajaan yang diswastakan.

Suntikan peruntukan kewangan yang besar oleh sektor awam ke dalam sektor pembinaan menyebabkan berlakunya peningkatan jumlah kontaktor dalam industri tersebut. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah kontraktor yang berdaftar mengikut gred (2006 hingga 2010).

Jadual 2: Jumlah Kontraktor yang Berdaftar Mengikut Gred

| Gred/Tahun | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|------------|--------|--------|--------|--------|--------|
| G1 | 37,067 | 34,947 | 34,060 | 33,633 | 33,388 |
| G2 | 7,076 | 7,183 | 7,516 | 8,095 | 8,092 |
| G3 | 9,760 | 10,534 | 10,963 | 10,981 | 10,909 |
| G4 | 2,017 | 2,302 | 2,420 | 2,613 | 2,619 |
| G5 | 2,762 | 3,008 | 3,363 | 3,673 | 3,739 |
| G6 | 1,033 | 1,053 | 1,206 | 1,437 | 1,467 |
| G7 | 3,472 | 4,123 | 4,285 | 4,326 | 4,333 |
| Jumlah | 62,632 | 63,150 | 63,813 | 64,758 | 64,547 |

Sumber: LPIPM 2010

Mengikut gred yang dibuat oleh LPIPM, firma kontraktor tempatan yang berdaftar dengan LPIPM telah dikelaskan kepada 7 kategori utama mengikut jumlah modal berbayar, pengalaman dan keupayaan firma. Jadual 3 menunjukkan senarai kategori firma kontraktor mengikut modal berbayar dan nilai kontrak yang dibenarkan.

Jadual 3: Pengkelasan Kontraktor Mengikut Gred Pendaftaran Dengan LPIPM

| Gred Pendaftaran (LPIPM) | Minimum Modal Berbayar (RM) | Jumlah Minimum Harga Projek (RM) | Kategori Kontraktor |
|--------------------------|-----------------------------|----------------------------------|---------------------|
| G1 | 5,000.00 | Tidak melebihi 100,000.00 | Kecil |
| G2 | 25,000.00 | Tidak melebihi 500,000.00 | Kecil |
| G3 | 50,000.00 | Tidak melebihi 1,000,000.00 | Kecil |
| G4 | 150,000.00 | Tidak melebihi 3,000,000.00 | Sederhana |
| G5 | 250,000.00 | Tidak melebihi 5,000,000.00 | Sederhana |
| G6 | 500,000.00 | Tidak melebihi 10,000,000.00 | Besar |
| G7 | 750,000.00 | Tiada had | Besar |

Sumber:LPIPM (2010)

Kemasukan firma kontraktor dengan jumlah yang besar dalam industri pembinaan telah memberi impak yang negatif kepada industri itu sendiri. Wujud keadaan tidak seimbang dari segi penawaran jumlah kerja dan persaingan yang tinggi untuk mendapat kontrak di antara firma-firma tersebut. Melalui sistem tender terbuka yang masih dipraktikkan sehingga ke hari ini dalam pembidaan kontrak memaksa pihak kontraktor melakukan kerja pada harga yang rendah. Impak akhir dari situasi ini menyebabkan pencapaian firma kontraktor dalam industri pembinaan tidak begitu memuaskan dan gagal dalam perniagaan.

2. KEGAGALAN FIRMA KONTRAKTOR

Para ilmiah didalam industri pembinaan telah mentakrifkan kegagalan firma kontraktor dari pelbagai sudut. Misalnya, Hung et al. (2008) telah mengkelasifikasi firma sebagai gagal apabila wujud situasi dimana firma tidak mempunyai keupayaan untuk membayar hutang kepada pembiutang dan memberi pulangan kepada pemegang saham. Dari sudut yang lain, Karels & Prakash (1987) telah mendefinisi kegagalan firma dari prospektif kewangan dan kebiasaan digunakan oleh para penyelidik, firma gagal apabila nilai aset bersih firma berada dalam keadaan negatif serta tidak ada keupayaan membayar hutang firma. Dari sisi yang lain, Russell (1991) pula telah menyatakan kontraktor ditafsirkan gagal apabila ia gagal menyiapkan kerja mengikut kontrak yang dipersetuju dan membolehkan pemilik projek mengambil tindakan undang-undang. Selanjutnya pula (Altman, 1968) telah melihat kegagalan firma dari sudut pandangan ekonomi, firma kontraktor diklasifikasikan gagal apabila firma tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menampung kos pembinaan dan juga situasi dimana kadar pulangan pelaburan modal lebih kecil dari kos modal. Berdasarkan beberapa takrifan terhadap kegagalan firma kontraktor yang telah

diperihalkan diatas menunjukkan bahawa kriteria kepada kegagalan adalah sangat bergantung kepada konteks penggunaannya.

Banyak kajian telah dilakukan merentasi pelbagai prespektif telah memperihatkan bahawa masalah kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan adalah masalah global (Edum-Fotwe et al. 1996). Selanjutnya beberapa penyelidik seperti Strischek & McIntyre (2008), Yen (2006) dan Langford et al. (1993) telah memperihalkan bahawa peratus kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan dikatakan lebih menonjol berbanding dengan peratus kegagalan firma perniagaan dalam industri lain. Sebagai contohnya di United State, bilangan firma kontraktor yang beroperasi diantara tahun 2004 hingga 2005 telah berkurangan daripada 850,029 buah firma dalam tahun 2004 kepada hanya 649,602 buah firma iaitu berlaku penyusutan sebanyak hampir 24 peratus (Strischek dan McIntyre, 2008). Sementara itu, Langford et al. (1993) dan Edum-Fotwee et al. (1996) telah memperihalkan bahawa situasi yang sama juga berlaku kepada industri pembinaan di United Kingdom. Selain dari itu terdapat beberapa kajian lain seperti oleh Assaf et al. (1995), Osama (1997), Frimpong et al. (2002) di Ghana, Aibinu dan Jagboro (2002) di Negaria, Assaf dan al-Hejji (2006) di Arab Saudi, Swies et al. (2007) di Jordan juga telah memperihalkan tentang kegagalan firma kontraktor di dalam industri pembinaan.

Industri pembinaan di Malaysia juga mengalami fenomena yang serupa. Bilangan firma kontraktor yang gagal dalam industri pembinaan di Malaysia juga tinggi. Yin (2006) menyatakan hanya terdapat sebilangan kecil sahaja firma kontraktor di Malaysia yang disenaraikan berjaya dan secara relatifnya lebih banyak berlaku kebankrapan dalam industri pembinaan berbanding dengan industri lain. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh LPIPM, dari Jun 2005 hingga Disember 2009, sejumlah 6,031 firma kontraktor telah diklasifikasikan sebagai tidak aktif atau dormant. Jadual 4 menunjukkan statistik firma kontraktor yang tidak aktif atau dorman yang dikeluarkan oleh LPIPM (Jun 2005 – Disember 2009) mengikut gred pendaftaran.

Jadual 4: Statistik Firma Kontraktor yang Tidak Aktif dan Dormant

| Negeri | Gred/saiz | | | | | | | Jumlah |
|---------------------|-----------|-----|-------|-----|-----|-----|-----|--------|
| | G1 | G2 | G3 | G4 | G5 | G6 | G7 | |
| Johor | 75 | 52 | 48 | 23 | 17 | 7 | 15 | 237 |
| Kedah | 84 | 26 | 54 | 12 | 22 | 10 | 13 | 221 |
| Kelantan | 327 | 55 | 123 | 25 | 55 | 9 | 37 | 631 |
| Labuan | 8 | 3 | 4 | 0 | 2 | 0 | 0 | 17 |
| Melaka | 51 | 26 | 29 | 17 | 7 | 5 | 5 | 157 |
| Negeri Sembilan | 285 | 56 | 64 | 9 | 9 | 4 | 7 | 434 |
| Pahang | 87 | 34 | 66 | 17 | 13 | 3 | 12 | 232 |
| Perak | 118 | 71 | 80 | 18 | 25 | 10 | 12 | 334 |
| Perlis | 34 | 11 | 17 | 3 | 6 | 1 | 7 | 79 |
| Pulau Pinang | 88 | 34 | 61 | 7 | 14 | 6 | 17 | 227 |
| Sabah | 452 | 125 | 127 | 15 | 31 | 8 | 28 | 786 |
| Serawak | 81 | 29 | 30 | 9 | 9 | 4 | 16 | 178 |
| Selangor | 488 | 165 | 278 | 59 | 97 | 34 | 63 | 1184 |
| Terengganu | 60 | 24 | 60 | 24 | 43 | 8 | 20 | 239 |
| Wilayah Persekutuan | 232 | 137 | 322 | 57 | 145 | 47 | 152 | 1092 |
| Jumlah | 2,470 | 848 | 1,363 | 295 | 495 | 156 | 404 | 6,031 |

Sumber : LPIPM 2010

Hasil kajian Yin (2006) terhadap prestasi firma kontraktor di Malaysia menunjukkan bahawa banyak firma kontraktor di Malaysia gagal menyiapkan kerja mereka mengikut jadual. Kenyataan ini menyokong penemuan terdahulu oleh Basir (2000), dalam penyelidikan beliau terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kelewatan projek pembinaan mendapati kebanyakan projek pembinaan di Malaysia dikategorikan sebagai “*over-run in cost and time*”. Manakala, mengikut statistik projek lewat yang dikeluarkan oleh JKR sehingga Mac 2008 sejumlah 857 projek pembinaan telah diklasifikasikan lewat. Sebanyak 787 kontrak telah mengalami kelewatan diantara satu hingga tiga bulan, manakala 70 kontrak telah mengalami kelewatan lebih tiga bulan. Kesan dari situasi diatas, banyak firma-firma kontraktor telah disenarai hitamkan dan ditegah dari menyertai tender bagi projek-projek awam. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) melalui laman web (www.pkk.gov.my) sehingga 14/05/2010 sejumlah 476 firma kontraktor dari pelbagai gred masih disenarai hitamkan. Majoriti daripada firma kontraktor yang disenarai hitamkan adalah kerana mereka gagal menyiapkan kerja-kerja pembinaan mengikut jadual.

3. PENYATAAN MASALAH

Kegagalan firma kontraktor dalam industri pembinaan bukanlah merupakan fenomena baru. Beberapa kajian telah dibuat oleh penyelidik terdahulu terhadap prestasi firma kontraktor dalam industri pembinaan, telah mendedahkan bahawa faktor kewangan adalah faktor yang signifikan menyebabkan kegagalan firma kontraktor. Misalnya, hasil kajian Kangari (1998) telah mendedahkan secara spesifik dua faktor kewangan iaitu kekurangan modal dan pengurusan kewangan yang lemah adalah merupakan penyebab utama kepada kegagalan firma kontraktor. Hasil kajian ini telah menyokong penemuan terdahulu oleh Noven (1996) yang juga mengaitkan kedua-dua faktor tersebut dengan kegagalan firma kontraktor.

Manakala hasil kajian Osama (1997) terhadap faktor kegagalan firma kontraktor di Arab Saudi juga telah mengaitkan dua faktor kewangan iaitu kekurangan modal pusingan bagi membiayai operasi perniagaan dan margin keuntungan firma yang rendah. Beberapa faktor lain yang tidak kurang pentingnya seperti kesukaran mendapat kerja, silap membuat keputusan, kekurangan pengalaman dan pengurusan yang tidak cekap juga memberi impak yang negatif kepada prestasi kewangan firma.

Hasil penyelidikan Ardi et al. (2000) pula mendapati isu belanjawan dan makroekonomi merupakan sebab utama menyebabkan firma kontraktor di United State gagal. Hasil kajian tersebut telah menunjukkan lebih 80% kegagalan firma kontraktor di United State adalah disebabkan oleh lima faktor berikut seperti, keuntungan firma yang tidak mencukupi (27%), faktor industri itu sendiri yang lemah (23%), perbelanjaan pengurusan firma yang besar (18%), tidak cukup modal (8%) dan, bebanan hutang firma (6%). Empat faktor yang dinyatakan diatas mempunyai hubung kait dengan kekurangan modal dan masalah pengurusan kewangan yang lemah, kecuali faktor yang kedua iaitu faktor industri yang lemah menyumbang 23% kepada kegagalan firma. Hasil kajian juga menunjukkan margin keuntungan yang rendah telah mendapat skor yang tertinggi kepada faktor kegagalan firma iaitu 27%.

Di Malaysia, beberapa penyelidikan ke atas faktor kegagalan firma kontraktor juga telah mengaitkan kegagalan firma dalam perniagaan dengan permasalahan kewangan yang dihadapi oleh mereka. Yin (2006) telah mendedahkan kebanyakan firma kontraktor di Malaysia gagal kerana kekurangan modal untuk membiayai projek mereka. Selain itu, beliau juga mendedahkan bahawa kebanyakan firma kontraktor agak sukar untuk mendapat pinjaman modal dari bank kerana tidak memiliki aset tetap seperti bangunan dan tanah sebagaimana firma-firma dalam industri lain. Mereka kebiasaannya memiliki aset tetap berbentuk jentera dan peralatan pembinaan yang tidak diterima oleh bank sebagai kolateral. Masalah kewangan yang dihadapi oleh firma kontraktor juga berpunca dari margin keuntungan projek yang terlalu rendah. Melalui sistem tender

terbuka, firma kontraktor dipaksa melakukan kerja yang bermutu pada harga yang terendah. Situasi begini akan meletakkan firma kontraktor dalam keadaan yang sukar dan akhirnya terpaksa menutup perniagaan mereka. Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja firma kontraktor di Malaysia yang disenaraikan berjaya dan secara relatifnya lebih banyak berlaku kebankrapan dalam industri pembinaan berbanding dengan industri lain.

Keputusan kajian Munaain (2006) dan Ang (2006) juga mendedahkan fenomena yang sama. Mereka menyatakan bahawa kekurangan modal tunai adalah faktor yang amat kritikal yang menyebabkan ramai kontraktor terutamanya kontraktor bumiputera kecundang dalam industri pembinaan. Banyak kerja-kerja pembinaan tidak dapat disiapkan mengikut jadual, malah ada yang langsung terbengkalai. Fenomena ini akan memberi imej buruk kepada industri pembinaan negara.

Walau bagaimana pun, Jaafaf et al. (2005) tidak meletakkan faktor kekurangan modal sebagai faktor yang signifikan kepada kegagalan firma kerana mengikut beliau, hanya modal yang kecil diperlukan oleh firma kontraktor di Malaysia untuk memulakan perniagaan berbanding dengan industri lain. Alasan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. Pembekal bahan binaan dan sub-kontraktor merupakan sumber modal kredit yang penting.
- ii. Untuk projek-projek kerajaan, kontraktor layak menerima wang pendahuluan sebanyak 15% dari nilai keseluruhan projek (pada masa ini nilai wang pendahuluan telah ditambah kepada 25%).
- iii. Tidak susah bagi firma kontraktor mendapat kemudahan pinjaman bank bagi membiayai projek kerajaan.

Hasil kaji selidik mereka menunjukkan corak pengurusan modal hutang yang buruk lebih signifikan dalam menentukan kegagalan firma kontraktor. Laser (2003), mendefinisikan modal hutang adalah wang milik orang lain yang digunakan oleh firma untuk mendapat kebaikan atau keuntungan untuk firma. Wang milik orang lain disini bermaksud pinjaman dan juga hutang perdagangan.

Seterusnya Lin (2008) juga memberi gambaran tentang kegagalan firma kontraktor di Malaysia adalah kerana terlalu bergantung kepada modal hutang atau pinjaman bank bagi membiayai projek pembinaan mereka. Hasil kajian beliau terhadap peranan bank-bank perdagangan di Malaysia dalam membiayai modal hutang firma-firma kontraktor, mendapat sejumlah aliran wang tunai yang besar telah disalurkan ke dalam bentuk pinjaman modal kepada firma kontraktor dalam industri pembinaan. Pergantungan yang tinggi kepada modal hutang telah memberi impak yang negatif kepada prestasi firma. Hasil penyelidikan beliau juga mendedahkan banyak pinjaman yang disalurkan kepada industri pembinaan telah dikelasifikasikan sebagai bermasalah atau “Non-Performing Loans” (NPL). NPL adalah biasanya dirujuk kepada “*uncollectible account*”. Jadual 5

menunjukkan jumlah pinjaman dan akaun NPL daripada firma kontraktor bagi tahun kewangan 2004 dan 2005.

Jadual 5: Jumlah NPL Akaun Firma Kontraktor Untuk Tahun 2004 And 2005

| Bank perdagangan | 2004 | | | 2005 | | |
|------------------|-------------------|--------------|---|-------------------|--------------|--------|
| | Pinjaman (RM'000) | NPL (RM'000) | % | Pinjaman (RM'000) | NPL (RM'000) | % |
| Jumlah | 24,698,854 | 2,703,285 | | 26,586,508 | 4,681,328 | 73.17% |

Sumber data: Lin (2008)

Jumlah keseluruhan NPL pada tahun kewangan 2005 telah menunjukkan peningkatan dari RM2,703,285,000.00 pada tahun 2004 kepada RM4,681,328,000.00 telah meningkat sebanyak 73.17%.

Sebagai rumusan dari hasil kajian terdahulu terhadap faktor kegagalan firma kontraktor telah mendedahkan bahawa permasalahan kewangan yang dihadapi oleh firma kontraktor adalah faktor yang sangat signifikan menyumbang kepada kegagalan firma kontraktor. Faktor kekurangan modal bagi membiayai kos pembinaan, keuntungan firma yang minima atau firma mengalami kerugian dan menanggung bebanan hutang yang tinggi kerana terlalu bergantung kepada modal hutang telah menjadi agenda utama terhadap kegagalan firma kontraktor di Malaysia atau di peringkat global. Namun begitu, kajian-kajian di peringkat tempatan sebelum ini lebih memberi fokus terhadap faktor-faktor yang menyebabkan prestasi buruk firma kontraktor secara umum dan lebih memberi penekanan terhadap faktor bukan kewangan. Oleh itu, kajian ini adalah untuk melihat secara terperinci kesan faktor kewangan terhadap prestasi buruk firma kontraktor.

4. OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk menilai prestasi kewangan firma kontraktor bumiputera dalam industri pembinaan di Malaysia.
2. Untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab dari perspektif kewangan yang menyebabkan kegagalan firma kontraktor.

5. METODOLOGI KAJIAN

Sejumlah 21 kemungkinan faktor yang menyebabkan kegagalan firma kontraktor telah dikenal pasti melalui beberapa kajian literatur yang berkaitan dengan penyelidikan ini (Assaf, et al. 1995, Noven 1996, Osama 1997, Ardit 2000, Yin 2005, Enshassi et al. 2006, Munaain 2006, Ang 2006, Strischek & McIntyre 2008 dan Abdullah et al. 2010). Faktor yang mempunyai kesamaan

jenis telah dikelompokkan bersama; membentuk tiga kumpulan utama iaitu firma kekurangan modal tunai, keuntungan kecil dan bebanan hutang firma yang tinggi. Faktor-faktor tersebut kemudiannya digunakan untuk membentuk soalan soal selidik untuk diedarkan dalam kalangan firma kontraktor bumiputera yang bersaiz besar dan sederhana. Sejumlah 250 borang soal selidik telah diedarkan. Responden kajian yang ditentukan adalah dalam kalangan pemilik firma-firma tersebut. Seterusnya, “*analisis non-parametric*” telah dilakukan untuk mengukur tahap sokongan responden terhadap faktor-faktor yang dikemukakan di dalam borang soal selidik. Tahap kepentingan bagi faktor-faktor yang dikemukakan telah digred berdasarkan interpretasi yang diubahsuai daripada interpretasi Oxford (1990) yang menjelaskan skor min diantara 3.5 hingga 5.0 telah diklasifikasikan sebagai sangat penting. Skor min diantara 2.5 hingga 3.49 dianggap sederhana penting, manakala skor min diantara 1.0 hingga 2.49 faktor tersebut dianggap kurang penting. Akibat daripada beberapa rintangan yang terpaksa ditempuhi, misalnya kesukaran mendapat kerjasama daripada firma kontraktor, maka hanya 64 borang soal selidik yang berjaya dipulangkan. Namun begitu, selepas tapisan dilakukan, hanya 54 borang soal selidik sahaja telah dijawab dengan sempurna dan digunakan untuk tujuan penyelidikan ini.

6. KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Faktor Kekurangan Modal Tunai

Jadual 6 menunjukkan skor min dan nilai rank untuk setiap faktor penyebab dalam bentuk turutan yang menurun. Hasil analisis deskriptif menunjukkan faktor yang paling menonjol yang menyumbang kepada firma kontraktor mengalami masalah kekurangan modal untuk membiayai projek yang mereka laksanakan adalah berpunca daripada firma memulakan perniagaan mereka dengan modal berbayar (modal asas) yang kecil. Masalah akan timbul apabila firma kontraktor melaksanakan kerja pembinaan melebihi kapasiti modal milik mereka. Faktor ini memperolehi skor min 3.26. Ia diikuti rapat oleh faktor kedua iaitu bayaran kemajuan lewat dibayar oleh pihak klien yang memperlihatkan perbezaan skor min sebanyak 0.01. Faktor ini dilihat signifikan kerana kebanyakan firma kontraktor mengharap bayaran kemajuan untuk membayar pihak kreditor. Manakala, faktor firma kontraktor dikatakan sukar untuk mendapat pinjaman modal daripada bank kerana kekurangan kolateral memperolehi skor min 3.11.

Seterusnya, faktor kelemahan firma kontraktor mengurus tunai juga dianggap signifikan menyumbang kepada kekurangan modal firma, memperolehi skor min 2.94. Kegagalan firma menyediakan anggaran keperluan tunai yang tepat terhadap projek yg hendak dilaksanakan menyebabkan pergerakan aliran tunai untuk projek tersebut sukar dikawal. Selanjutnya, faktor akaun akhir lewat dibayar dan faktor peratusan modal berbayar firma dalam tunai adalah kecil,

masing-masing memperolehi skor min 2.91 dan 2.83, masih lagi dianggap faktor yang signifikan. Kelewatan bayaran akhir menyebabkan sejumlah wang milik firma kontraktor tertahan untuk satu tempoh masa tertentu. Manakala, pemilikan modal yang berbentuk aset tetap (mesin dan jentera pembinaan) adalah sukar untuk ditunaikan dalam jangka yang segera. Keenam-enam faktor penyebab yang diperihalkan diatas diklasifikasikan sebagai faktor penyumbang yang sederhana mengikut interpretasi Oxford (1990). Selanjutnya, faktor penyebab yang terakhir iaitu firma tidak dibayar mengikut nilai kerja memperolehi skor min 2.19 dinilai sebagai kurang signifikan.

Jadual 6: Tujuh Faktor Kekurangan Modal Firma Kontraktor

| Faktor Penyebab | Min | Rank |
|--|------|------|
| Firma kontraktor memulakan perniagaan dengan modal berbayar yang kecil. | 3.26 | 1 |
| Bayaran kemajuan lewat dibayar oleh pihak klien. | 3.25 | 2 |
| Firma kontraktor sukar untuk mendapat pinjaman bank kerana kekurangan aset tetap (tanah dan bangunan) untuk dijadikan kolateral. | 3.11 | 3 |
| Kelemahan firma mengurus tunai. | 2.94 | 4 |
| Akaun akhir lambat dibayar oleh pihak klien. | 2.91 | 5 |
| Peratusan modal berbayar dalam bentuk tunai adalah kecil. | 2.83 | 6 |
| Firma tidak dibayar mengikut nilai kerja. | 2.19 | 7 |

6.2 Faktor Firma Menikmati Untung yang Tidak Realistik

Jadual 7 menunjukkan nilai min dan ranking terhadap setiap faktor penyebab kepada keuntungan yang tidak realistik dinikmati oleh firma kontraktor ditunjukkan dalam turutan secara menurun. Adalah boleh dilihat dengan jelas bahawa faktor berlakunya kenaikan harga bahan binaan semasa pembinaan sedang berjalan dan harga kontrak yang rendah adalah merupakan dua faktor yang telah diklasifikasikan sebagai sangat penting mengikut interpretasi oleh Oxford (1990). Kedua-dua faktor tersebut masing-masing memperolehi skor min 3.62 dan 3.56 berada dalam kumpulan tinggi (sangat penting). Kenaikan harga bahan binaan semasa pembinaan menyebabkan kos pembinaan turut meningkat. Walaupun, terdapat klausa dalam perjanjian kontrak yang membolehkan firma membuat tuntutan terhadap kenaikan tersebut tetapi tidak meliputi kesemua jenis bahan binaan. Manakala, harga kontrak yang rendah pula disebabkan oleh berlakunya persaingan yang tinggi untuk mendapat projek dalam kalangan firma kontraktor. Manakala, lima lagi faktor yang turut disenaraikan disenaraikan iaitu projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual (min=3.38), firma kontraktor terlalu bergantung kepada creditor untuk membiayai projek mereka (min=3.15), kos kewangan yang tinggi (min=3.09), dan kelemahan pengawalan kos pembinaan

(min=2.75), telah diklasifikasikan sebagai faktor penyumbang yang sederhana penting.

Projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual menyebabkan berlakunya kenaikan dalam kos pembinaan. Manakala, sikap firma yang terlalu bergantung kepada kreditor untuk membiayai projek mereka sedikit sebanyak telah merugikan firma kontraktor. Hal ini disebabkan harga yang lebih tinggi dikenakan terhadap bahan binaan yang dibekal secara kredit. Selanjutnya, kos kewangan akan meningkat apabila firma kontraktor menggunakan pinjaman bank dan membayar faedah pinjaman yang tinggi. Kebiasaannya, hal ini berlaku disebabkan oleh firma lewat menerima bayaran kemajuan. Kelemahan pengawalan kos pembinaan seperti berlaku pembaziran bahan binaan, penggunaan mesin dan peralatan secara tidak terkawal menyebabkan berlakunya penyusutan terhadap keuntungan firma.

Jadual 7: Faktor Firma Menerima Untung Kecil/Rugi

| Faktor | Min | Rank |
|--|------|------|
| Berlaku kenaikan harga bahan binaan semasa pembinaan. | 3.62 | 1 |
| Harga kontrak yang rendah. | 3.56 | 2 |
| Projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual. | 3.38 | 3 |
| Firma terlalu bergantung kepada kreditor untuk membiayai projek. | 3.15 | 4 |
| Kos kewangan yang tinggi. | 3.09 | 5 |
| Kelemahan pengawalan kos pembinaan. | 2.75 | 6 |

6.3 Faktor Firma Menanggung Bebanan Hutang yang Tinggi

Terdapat tujuh faktor penyebab yang disenaraikan dibawah kategori ini seperti mana yang ditunjukkan oleh Jadual 8. Faktor kelewatan firma kontraktor dibayar bayaran kemajuan telah dipilih sebagai punca utama menyebabkan firma kontraktor terpaksa bergantung kepada kreditor untuk membiayai projek yang dilaksanakan. Faktor ini memperolehi skor min yang tertinggi (min=3.11) dalam kalangan faktor-faktor yang disenaraikan. Hal ini berlaku kerana kebanyakan firma kontraktor tidak memiliki modal yang cukup. Perkara sedemikian juga dipengaruhi oleh firma kontraktor memulakan perniagaan sebagai kontraktor dengan modal asas yang kecil. Faktor modal asas yang kecil ini turut dijadikan alasan oleh firma kontraktor yang menyebabkan mereka terpaksa berhutang. Faktor ini memperolehi skor min (min=2.96) kedua tertinggi berdasarkan pilihan responden. Selanjutnya, untuk modal firma kontraktor, pihak kerajaan telah memperkenalkan skim bayaran pendahuluan untuk projek-projek milik kerajaan iaitu 25% dari nilai projek yang dilaksanakan. Namun begitu, bayaran pendahuluan ini lewat dibayar oleh pihak klien. Hal ini berlaku disebabkan oleh masa yang lama telah diambil oleh pihak bank untuk meluluskan pengeluaran surat jaminan bank untuk diserahkan kepada pihak klien. Faktor ini telah

menduduki ranking ketiga, memperolehi skor min 2.76. Selain daripada kelewatan meluluskan pengeluaran surat jaminan, pihak bank juga akan menahan sejumlah tertentu (30%) daripada jumlah keseluruhan bayaran pendahuluan sebagai cagaran terhadap surat jaminan yang dikeluarkan. Faktor ini menyebabkan jumlah bayaran pendahuluan yang diterima tidak cukup untuk memenuhi keperluan modal semasa. Oleh itu, hal ini tidak dapat mengelak firma daripada berhutang. Faktor ini memperolehi skor min 2.70. Dua lagi faktor yang dianggap signifikan sebagai faktor penyebab kepada firma untuk berhutang adalah kerana sebahagian modal firma adalah dalam bentuk aset tetap (jentera dan mesin) dan sikap kontraktor itu sendiri yang suka berhutang. Faktor-faktor tersebut masing-masing memperolehi skor min 2.68 dan 2.61. Aset tetap juga dikenali sebagai aset jangka panjang kebiasaannya sukar ditunaikan untuk memenuhi keperluan modal tunai firma. Manakala, faktor terdapat banyak kemudahan kredit yang ditawarkan terutamanya kepada firma kontraktor yang melakukan projek kerajaan telah mempengaruhi firma kontraktor untuk berhutang dan menggunakan tunai yang mereka ada untuk tujuan lain. Seterusnya, faktor nilai projek yang dijalankan melebihi keupayaan modal firma tidak dipilih sebagai faktor yang signifikan. Faktor ini memperolehi skor min 2.37 dikelaskan dalam kumpulan rendah.

Jadual 8: Faktor Penyebab Hutang Firma

| Faktor | Min | Rank |
|--|------|------|
| Kelewatan firma menerima bayaran kemajuan. | 3.11 | 1 |
| Modal asas firma kecil. | 2.96 | 2 |
| Bayaran pendahuluan lewat diterima. | 2.76 | 3 |
| Jumlah bayaran pendahuluan tidak cukup. | 2.70 | 4 |
| Sebahagian modal firma dalam bentuk aset tetap. | 2.68 | 5 |
| Sikap kontraktor yang suka berhutang. | 2.61 | 6 |
| Nilai projek yang dijalankan melebihi keupayaan modal firma. | 2.37 | 7 |

6.4 Ranking Faktor Secara Keseluruhan

Jadual 9 mempamerkan kedudukan ranking untuk sepuluh faktor penyebab yang mempunyai skor min yang tertinggi yang menyebabkan kegagalan firma kontraktor berkaitan dengan kategori. Daripada jadual 9 menunjukkan tiga faktor teratas iaitu berlakunya kenaikan harga bahan binaan semasa pembinaan sedang berjalan, harga kontrak yang rendah dan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual adalah berkaitan dengan keuntungan kecil yang diterima oleh firma kontraktor daripada projek yang mereka laksanakan. Daripada kedudukan skor min yang diperolehi oleh faktor-faktor tersebut, jelas bahawa prestasi buruk atau kegagalan firma kontraktor bumiputera dalam industri pembinaan adalah disebabkan oleh faktor keuntungan yang tidak realistik. Keuntungan yang

kecil/rugi menyebabkan firma kontraktor tidak dapat menampung kos pembinaan dan akhirnya mereka terpaksa menutup perniagaan. Secara keseluruhannya, lima daripada kalangan sepuluh faktor penyebab yang mendapat skor min yang tertinggi adalah datangnya dari kategori keuntungan kecil. Keputusan ini juga telah membuktikan bahawa faktor keuntungan adalah sangat signifikan dalam menentukan kejayaan dan kegagalan firma kontraktor di Malaysia. Ia diikuti oleh faktor penyebab dari kumpulan kekurangan modal iaitu firma kontraktor memulakan perniagaan dengan modal asas yang kecil dan bayaran kemajuan lewat dibayar oleh pihak klien telah menduduki ranking keempat dan kelima tertinggi. Manakala, dua faktor penyebab yang mewakili kategori bebanan hutang firma yang tinggi iaitu kelewatan firma menerima bayaran kemajuan dan faktor modal asas yang kecil telah menduduki ranking ketujuh dan kesembilan tertinggi.

Jadual 9: Sepuluh Faktor Penyebab yang Tertinggi

| Faktor | Kategori | Min | Rank |
|--|------------------|------|------|
| Berlaku kenaikan harga bahan binaan semasa pembinaan. | Keuntungan kecil | 3.62 | 1 |
| Harga kontrak yang rendah. | Keuntungan kecil | 3.56 | 2 |
| Projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual. | Keuntungan kecil | 3.38 | 3 |
| Firma kontraktor memulakan perniagaan dengan modal asas kecil. | Kekurangan modal | 3.26 | 4 |
| Bayaran kemajuan lewat dibayar oleh pihak klien. | Kekurangan modal | 3.25 | 5 |
| Firma terlalu bergantung kepada creditor untuk membiayai projek. | Keuntungan kecil | 3.15 | 6 |
| Firma kontraktor sukar untuk mendapat pinjaman bank. | Kekurangan modal | 3.11 | 7 |
| Kelewatan firma menerima bayaran kemajuan. | Bebanan hutang | 3.11 | 7 |
| Kos kewangan yang tinggi. | Keuntungan kecil | 3.09 | 8 |
| Modal asas firma kecil. | Bebanan hutang | 2.96 | 9 |

7. KESIMPULAN

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti kemungkinan faktor penyebab yang berkaitan kewangan terhadap prestasi buruk firma kontraktor sekali gus membawa kegagalan firma tersebut. Fokus kajian adalah diberikan kepada firma kontraktor bumiputera yang bersaiz besar dan sederhana. Untuk mencapai hasrat ini sejumlah 20 kemungkinan faktor penyebab yang berkaitan kewangan telah disenaraikan mengikut tiga kategori iaitu; 1) Kategori

kekurangan modal; 2) Kategori keuntungan kecil; 3) Kategori bebanan hutang diedarkan dalam kalangan responden soal selidik bertujuan untuk mendapat penilaian mereka terhadap faktor-faktor penyebab yang disenaraikan. Penilaian dibuat berdasarkan skor min yang diperolehi oleh faktor-faktor tersebut. Daripada hasil kajian, adalah didapati keuntungan kecil merupakan punca yang paling utama menyebabkan kegagalan firma kontraktor, diikuti oleh faktor kekurangan modal dan bebanan hutang yang ditanggung oleh firma.

RUJUKAN

- Abu-Bakar, A. H. (2002). The construction in developing countries in the nineties: Some issues on indigenous construction companies. *Journal of HBP*, 9, 21-44.
- Abdullah, F. (2004). *Construction Industry and Economic Development: The Malaysian Scene*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Darul Ta'zim.
- Abdullah, M. Z., Abdul Rahman, I. & Abdul Azis, A. A. (2010). Causes of delay in MARA management procurement construction project. *Journal of Surveying, Construction & Property*, 1.
- Aibinu, A. A. & Jagboro, G. O. (2002). The effects of construction delays on project delivery in Nigerian construction industry. *International Journal of Project Management*, 20, 593-599.
- Altman, E. I. (1968). Financial ratios, discriminant analysis and the prediction of corporate bankruptcy. *The Journal of Finance*, 23, 589-609.
- Ang. S. S. T. (2006). *Payment issues-The present dilemmas of Malaysian construction industry*. Master Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.
- Arditi, D.; Koksal, A. & Kale, S. (2000). Business failures in the construction industry. *Journal of Engineering, Construction and Architectural Management*, 7(2), 120-132.
- Assaf, S. A. & Al-Hejji, S. (2006). Causes of delay in large construction project. *International Journal of Project Management*, 24, 349-357.
- Assaf, S. A., Alkhail, M. & Al-Hazmi M. (1995). Causes of delay in large building construction projects. *Journal of Management in Engineering*, ASCE, 11(2), 45-40.

- Bashir, M. T. (2000). *Factors influencing construction delays*. Master thesis. Universiti Sains Malaysia, Malaysia.
- Construction Industry Development Board Malaysia. (2010). *Dormant and Non-Active Contractors*.
- Edum-Fotwe, F., Prince, A. & Thorpe, A. (1996). A review of financial ratio tools for predicting contractors insolvency. *Construction Management and Economic*, 14, 189-198.
- Enshassi, A., Al-Hallaq, K. & Mohamed, S. (2006). Causes of contractor's business failure in developing countries: The case of Palestine. *Journal of Construction in Developing Countries*, 11(2), 1-14.
- Frimpong, Y., Oluwoye, J. & Crawford, L. (2003). Causes of delay and cost overruns of groundwater projects in a developing countries: Ghana as a case study. *International Journal of Project Management*, 21, 321-326.
- Huang, S. M., Tsai, C. F., Yen, D. C. & Cheng, Y. L. (2008). A hybrid financial analysis model for business failure prediction. *Journal of Expert Systems with Application*, 35, 1034-1040.
- Jaafar, M. & Abdul-Aziz, A. R. (2005). Resource-based view and critical success factors: A study on small and medium sized contracting enterprises (SMCEs) in Malaysia. *The International Journal of Construction Management*, 5(2), 61-77.
- Kangari, R. (1988). Business failure in construction industry. *Journal of construction Engineering and Management*, 114(2), 172-190.
- Karels, G. V. & Prakash, A. J. (1987). Multivariate normality and forecasting of business bankruptcy. *Journal of Business Finance and Accounting*, 14, 573-593.
- Langford, D., Iyagba, R. & Komba, D. M. (1993). Prediction of solvency in construction companies. *Construction Management and Economics*, 5, 317-325.
- Lasher, W. R. (2003). *Practical Financial Management*. Thomson, South-Western, 3rd.
- Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM). (2010). *Bilangan dan nilai projek diawad berdasarkan status kontraktor 2010*. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Lin, L. S. (2008). Project financing for small and medium contracting firms. *Master thesis*. Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Munaain. M. E. (2006). *Payment woes among Malaysian contractors*. Master Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.
- Navon, R. (1996). Company-level cash-flow management. *Journal of construction engineering management*, 122(1), 22-29.
- Osama, J. M. (1997). Reason for construction business failure in Saudi Arabia. *Project Management Journal*, 28(2), 32-36.
- Russell, J. S. (1991). Contractor failure: Analysis. *Journal of Performance of constructed Facilities*, 5(3), 163-180.
- Strischek, D. & McIntyre, M. (2008). Red flags & warning signs of contractors failure. *The RMA Journal*, 90, 72-79.
- Sweis, G., Sweis, R., Hammad, A. A. & Shboul, A. (2008). Delay in construction project-The case of Jordan. *International Journal of Project Management*, 26, 665-674.
- Yin, K. Y. (2006). How to become a competent contractor. *The Monthly Bulletin of the institution of Engineers, Malaysia*, 02, 38-39.